

NO. SIRI :



**JABATAN KERJA RAYA
PERAK DARUL RIDZUAN**

DOKUMEN SEBUT HARGA

**MEMBEKAL, MEMPERBAHARUI, MEMASANG DAN
MENTAULIAH LESEN PERISIAN *AUTODESK AUTOCAD*
3D (1 UNIT) DAN *AUTODESK AUTOCAD LT 2D* (48 UNIT)
SECARA *CO-TERM* UNTUK JABATAN KERJA RAYA
NEGERI PERAK TERMASUK JKR DAERAH**

NO. SEBUT HARGA : PKR.PK.(S) 400-10/2-4/2026

**PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN
MEMAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG
DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA INI SEBELUM MENGISINYA.
PENYEBUT HARGA YANG MEMBUAT KESILAPAN DAN TIDAK
MEMATUHI MANA-MANA FASAL DI DALAM DOKUMEN INI
AKAN MENYEBABKAN SEBUT HARGA INI
TIDAK DIPERTIMBANGKAN.**

JAUHI DARIPADA AMALAN RASUAH

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	
1.	Kenyataan Tawaran Sebut Harga	
2.	Arahan Kepada Penyebut Harga	
3.	Senarai Semak Penghantaran Dokumen	
4.	Spesifikasi Umum	
5.	Jadual Harga (Jadual 1)	
6.	Jadual Spesifikasi Teknikal (Jadual 2A, Jadual 2B & Jadual 2C)	
7.	Jadual Pelaksanaan Kerja (Jadual 3)	
8.	Borang Sebut Harga	
9.	Lampiran Q	
10.	Syarat-Syarat Am	
11.	Senarai Pengalaman	
12.	Surat Akuan Pembida	



**JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK
KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran adalah terbuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah **Kod Bidang berkaitan** yang layak untuk membuat tawaran sebut harga untuk perkhidmatan berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG BEKALAN
PKR.PK.(S) 400-10/2 – 4/2026	MEMBEKAL, MEMPERBAHARUI, MEMASANG DAN MENTAULIAH LESEN PERISIAN AUTODESK AUTOCAD 3D (1 UNIT) DAN AUTODESK AUTOCAD LT 2D (48 UNIT) SECARA CO-TERM UNTUK JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK TERMASUK JKR DAERAH	210103 <i>Software – Supply all computer software, operating system, database, off-the Shelf packages including maintenance</i>

2. Pembekal yang berminat untuk turut serta dalam tawaran sebutharga ini boleh mendapatkan dokumen sebut harga di Bahagian Pentadbiran di Aras 5, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak Darul Ridzuan, Ipoh dalam waktu pejabat dan dokumen sebut harga boleh di muat turun di **www.jkrperak.gov.my**.

3. Borang sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis dengan perkataan “**Sebut Harga PKR.PK. (S) 400-10/2 – 4/2026**” di sudut kiri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga kepada alamat berikut:

**Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya Perak
Aras 5, Bahagian Pentadbiran
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH**

Dokumen sebut harga hendaklah dikemukakan **sebelum atau pada 8 September 2026**
(Selasa), jam 12.00 tengah hari.

4. Ahli Jawatankuasa Sebut Harga Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak, Ipoh tidak terikat kepada sebut harga yang terendah dan keputusan Ahli Jawatankuasa adalah muktamad.

5. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan sebarang kesilapan dalam pengisian borang tidak akan dilayan.


(Ir. HAJI ZAMRI BIN MAT KASIM)
Pengarah Kerja Raya
Perak Darul Ridzuan
Tarikh: 27.08.2026

No. Sebut Harga
PKR.PK.(S) 400-10/2 – 4/2026

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

- (a) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.
- (b) Kerajaan berhak menawarkan sebut harga ini kepada lebih dari satu (1) pembekal.

2. DOKUMEN SEBUT HARGA

Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada waktu pejabat di alamat :-

Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
Aras 5, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH.

3. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 3.1. Sebut harga hendaklah dibuat di atas borang-borang yang telah disediakan dan selepas ini dipanggil Dokumen Sebut harga. Dokumen Sebut harga yang lengkap adalah mengandungi perkara-perkara berikut:
 - (a). Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut harga
 - (b). Senarai Kerja Dalam Tangan
 - (c). Jadual Kadar Harga (jika ada)
 - (d). Butir-butir Spesifikasi (jika ada)
- 3.2. Penyebut harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen sebut harga serta menyemak kandungan dokumen sebut harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang sebut harga.
- 3.3. Borang sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan yang disediakan. Borang tersebut hendaklah seboleh-bolehnya ditaip. Jika ditulis tangan, tulisan hendaklah jelas dan boleh dibaca.
- 3.4. Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas dan dicop dengan cop rasmi syarikat setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.

No. Sebut Harga
PKR.PK.(S) 400-10/2 – 4/2026

4. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

4.1. Borang-borang yang perlu dikembalikan dan dokumen yang perlu disertakan adalah seperti berikut:-

4.1.1 borang sebut harga yang terdapat dalam dokumen sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap mengandungi nilai tawaran, tempoh siap, ditandatangani dan diturunkan cop rasmi syarikat.

4.1.2 **salinan sah Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia dan salinan sah Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** yang belum tamat tempoh;

4.1.3 **Borang Sebut Harga** yang telah diisi dengan lengkap mengandungi nilai tawaran dan tempoh siap ditandatangani;

4.1.4 **salinan Penyata Akaun Bank** bagi tiga (3) bulan terakhir (Mei 2026, Jun 2026 dan Julai 2026);

4.1.5 **senarai semakan** dokumen sebut harga;

4.1.6 **Surat Kuasa (*Letter Of Autorasation*)** daripada pembekal (*Autodest Authorized Reseller/Partner*); dan

4.1.7 mengemukakan **katalog** untuk rujukan Jawatan Kuasa Sebut Harga.

4.2 Dokumen sebut harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri dan ditanda pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat itu seperti berikut:

Kod Sebut Harga : **PKR.PK.(S) 400-10/2 – 4/2026**

Tajuk Sebut Harga : Membekal, Memperbaharui, Memasang Dan Mentaulliah Lesen Perisian Autodesk Autocad 3D (1 Unit) Dan Autodesk Autocad LT 2D (48 Unit) Secara *Co-Term* Untuk Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Termasuk JKR Daerah

Alamat : Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
Aras 5, Bahagian Pentadbiran
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH

4.3 Penyebut harga yang tidak mengemukakan dokumen seperti di para 4.1 akan ditolak.

No. Sebut Harga
PKR.PK.(S) 400-10/2 – 4/2026

- 4.4 Sebut harga yang dihantar melalui serahan tangan hendaklah dimasukkan sendiri oleh penyebut harga ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di **Jabatan Kerja Raya Perak, Bahagian Pentadbiran, Aras 5, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh** pada waktu pejabat tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Sebut harga yang lewat tidak akan diterima.
- 4.5 Jabatan Kerja Raya Negeri Perak tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan dokumen-dokumen sebut harga yang dihantar :
- (i) SerahanTangan
Dokumen sebut harga dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang salah; atau
 - (ii) Pos/Agen Penghantaran
Hilang semasa dalam perjalanan pos atau penghantaran.
- 4.6 Penyebut harga menanggung semua kos yang terlibat berhubung dengan sebut harga yang disertainya.
- 4.7 Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh yang dipersetujui, Kerajaan berhak membatalkan pesana/arahan yang dikeluarkan dan /atau mengenakan *Denda/ Tolakan / *Liquidated & Ascertained Damages (LAD)*.

5. HARGA INDIKATIF JABATAN

- 5.1 Harga Indikatif Jabatan bagi sebut harga ini adalah Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Lapan Ribu Satu Ratus Dua Puluh Lima Sahaja (RM88,125.00)
- 5.2 Harga indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- 5.3 Pihak kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.


(Ir. HAJI ZAMRI BIN MAT KASIM)
Pengarah Kerja Raya
Perak Darul Ridzuan

SENARAI SEMAK

Sila tandakan ☒ bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	SYARIKAT	JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia	☐	☐
2.	Salinan Sijil Pematuhan Cukai (TCC)	☐	☐
3.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi bulan :- Mei 2026 Jun 2026 Julai 2026	☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐
4.	Borang sebut harga telah diisi dengan lengkap mengandungi nilai tawaran, tempoh siap dan ditandatangani.	☐	☐
5.	Lengkapkan Jadual 1 (Jadual Harga), Jadual 2A, 2B & 2C (Jadual Spesifikasi Teknikal) & Jadual 3 (Jadual Pelaksanaan Kerja)	☐	☐
6.	Lampiran Q diisi dan dilengkapi jumlah keseluruhan.	☐	☐
7.	Senarai pengalaman kerja telah dan sedang dilaksanakan serta surat tawaran kontrak daripada institusi berkenaan.	☐	☐
8.	Surat Akuan Pembida diisi dan dilengkapi.	☐	☐
9.	Kemukakan Katalog/Perincian Peralatan yang diperlukan.	☐	☐
10.	Letter Of Authorization dari prinsipal.	☐	☐
11.	Kemukakan dokumen-dokumen lain yang berkaitan : Nyatakan (jika ada)	☐	☐

Saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :
Nama :
Jawatan :
Tarikh :

Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda/kecuali bagi perkara bil. (jika ada)

Tandatangan :
Nama :
Jawatan :
Tarikh :

Tandatangan :
Nama :
Jawatan :
Tarikh :

No. Sebut Harga
PKR.PK.(S) 400-10/2 – 4/2026

SPESIFIKASI UMUM

1. TUJUAN

Tujuan spesifikasi adalah untuk memberi penerangan kepada penyebut harga mengenai sebut harga bagi membekal, memperbaharui, memasang dan mentauliah lesen perisian Autodesk AutoCAD 3D (1 unit) dan Autodesk AutoCAD LT 2D (48 unit) secara *co-term* untuk Jabatan Kerja Raya Negeri Perak termasuk JKR daerah.

2. SKOP PERKHIDMATAN

Membekal, memperbaharui, memasang dan mentauliah lesen perisian Autodesk AutoCAD 3D (1 unit) dan Autodesk AutoCAD LT 2D (48 unit) secara *co-term* untuk Jabatan Kerja Raya Negeri Perak termasuk JKR daerah.

3. DEFINISI KERJA

Membekal, memperbaharui, memasang dan mentauliah lesen perisian Autodesk AutoCAD 3D (1 unit) dan Autodesk AutoCAD LT 2D (48 unit) secara *co-term* untuk Jabatan Kerja Raya Negeri Perak termasuk JKR daerah.

4. Penyebut harga hendaklah memastikan bekalan yang dikehendaki adalah tulen, baru dan belum digunakan.
5. Pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Darul Ridzuan berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya pembekal:
 - a) Tidak memenuhi Skop Bekalan yang telah dipersetujui;
 - b) Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Bekalan; dan
 - c) Tidak mengikut Spesifikasi Teknikal yang ditetapkan.
6. Sekiranya pembekal gagal membekalkan bekalan dalam tempoh dan kualiti yang ditetapkan, Jabatan Kerja Raya Perak Darul Ridzuan berhak membatalkan pesanan yang dikeluarkan dan mengenakan bayaran berdenda berdasarkan formula berikut:

$$\frac{V (T+D)}{T} \times 5\%$$

T

- V: Nilai harga bekalan yang lewat dibekalkan;
 T: Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari; dan
 D: Bilangan hari yang lewat.

SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL, MEMPERBAHARUI, MEMASANG DAN MENTAULIAH LESEN PERISIAN AUTODESK AUTOCAD 3D (1 UNIT) DAN AUTODESK AUTOCAD LT 2D (48 UNIT) SECARA CO-TERM UNTUK JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK TERMASUK JKR DAERAH

BIL	BUTIRAN	Unit	Kuantiti	Harga (RM)	Jumlah (RM)
	<u>PERISIAN AUTOCAD</u>				
1	AutoCAD 3D - including specialized toolsets Commercial Single-user Annual Subscription Renewal				
	*Mestilah dalam bentuk softcopy bersama-sama dengan kunci lesen				
	*Versi terkini , Lesen tulen dan tempoh selama (9 bulan).	pcs	1		
	END USER : JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN Expiry Date :Sept 2026 - Jun 2027				
2	AutoCAD 2D LT Commercial Single-user Annual Subscription Renewal				
	*Mestilah dalam bentuk softcopy bersama-sama dengan kunci lesen				
	*Versi terkini , Lesen tulen dan tempoh selama (9 bulan)	pcs	33		
	END USER : JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN Expiry Date :Sept 2026 - Jun 2027				

3	AutoCAD 2D LT Commercial Single-user Annual Subscription Renewal	pcs	15		
	*Mestilah dalam bentuk softcopy bersama-sama dengan kunci lesen				
	*Versi terkini , Lesen tulen dan tempoh selama (6 Bulan)				
	END USER : JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN Expiry Date :Dis 2026 - Jun 2027				
Jumlah RM:					

JADUAL 2A

SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL, MEMPERBAHARUI, MEMASANG DAN MENTAULIAH LESEN PERISIAN AUTODESK AUTOCAD 3D (1 UNIT) DAN AUTODESK AUTOCAD LT 2D (48 UNIT) SECARA CO-TERM UNTUK JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK TERMASUK JKR DAERAH

JADUAL SPESIFIKASI TEKNIKAL

KETERANGAN PERISIAN					
KETERANGAN UMUM TENDER (MANDATORI)					
Petender perlu menghuraikan item dengan lengkap pada setiap ruang. Kegagalan untuk menyediakan huraian yang lengkap akan menyebabkan tawaran Petender TIDAK DIPERTIMBANGKAN dan DITOLAK daripada proses penilaian teknikal tender.					
NO.	ITEM	KEPERLUAN SPESIFIKASI	MANDATORI (M)	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CADANGAN PETENDER
1.0	Perisian Autocad 3D versi 2026 yang merangkumi set alat khusus AD bagi kegunaan komersial				
	Kuantiti	1 unit	M		
	Make/Model:		M		
	Brand:		M		
	Tahun Pengeluaran:	2026	M		
1.1	Lesen				
		Semua bekalan Perisian yang akan dibekalkan hendaklah version terkini, tulen dan belum digunakan.	M		
		Lesen Perisian yang dibekalkan adalah selama tempoh 9 Bulan (Sept 2026- Jun 2027)	M		
		Bekalan Perisian dalam bentuk <i>softcopy</i> bersama-sama dengan kunci lesen	M		
		Perisian hendaklah menyokong fungsi pemodelan tiga dimensi (3D) yang membolehkan pengguna membina, mengedit dan memvisualisasi objek dalam bentuk tiga dimensi. Ini termasuk fungsi pemodelan pepejal, paparan dari pelbagai sudut, rendering asas serta keupayaan menjana lukisan teknikal 2D daripada model 3D	M		

1.2 Kegunaan				
		Pemodelan Pepejal (Solid Modeling): Membina objek 3D dengan ketebalan dan isi padu sebenar	M	
		Pemodelan Permukaan (Surface Modeling): Membentuk permukaan kompleks dengan kelengkungan yang tepat.	M	
		Paparan Pelbagai Sudut (3D View & Orbit): Membolehkan pengguna memutar, zum, dan menyemak model dari pelbagai perspektif.	M	
		endering dan Visualisasi: Menjana paparan realistik dengan warna, pencahayaan, dan bayang-bayang	M	
		Pengekstrakan Lukisan 2D dari Model 3D: Menjana pelan lukisan teknikal (seperti pelan pandangan sisi dan potongan) secara automatik dari model 3D	M	
		melampir dan mengimport data daripada fail PDF	M	
		Membolehkan perkongsian dan penggunaan data daripada fail DGN, perisian Navisworks serta Peta Bing	M	
		Melaksanakan serta memantau pematuhan terhadap piawaian CAD yang ditetapkan.	M	
1.3 Sistem Pengoperasian				
	Sistem Pengoperasian	Boleh dipasang pada Windows 10 / 11 (64-bit).	M	
	Unit Pemprosesan Pusat (CPU)	Keperluan minimum: Pemproses dengan kelajuan asas antara 2.5 hingga 2.9 GHz. Pemproses jenis ARM tidak disokong. Keperluan yang disyorkan: Pemproses dengan kelajuan asas 3 GHz atau lebih, dan sehingga 4 GHz dalam mod turbo.	M	
	Memori sistem (RAM)	Keperluan minimum: 8 GB RAM Keperluan yang disyorkan: 32 GB RAM	M	

	Paparan Resolusi	Paparan Biasa: Menyokong resolusi 1920 x 1080 dengan Warna Sebenar (True Color). Paparan Beresolusi Tinggi / 4K: Menyokong resolusi sehingga 3840 x 2160 dengan penggunaan kad paparan yang disyorkan.	M		
	Kad Grafik (Kad Paparan Video)	Keperluan minimum: Kad grafik 2 GB dengan lebar jalur 29 GB/s dan menyokong DirectX 11. Keperluan yang disyorkan: Kad grafik 8 GB dengan lebar jalur 106 GB/s dan menyokong DirectX 12. Nota: DirectX 12 dengan Tahap Ciri 12_0 diperlukan untuk gaya visual Shaded (Fast) dan Shaded with edges (Fast).	M		
	Ruang Storan	10.0 GB (disyorkan SSD)	M		
	Rangka kerja .NET (.NET Framework)	Perisian ini memerlukan pemasangan .NET Framework versi 4.8 atau yang lebih tinggi. Pastikan sistem anda menyokong rangka kerja .NET yang diperlukan.	M		
1.4	Jaminan/Keperluan tambahan				
		Jaminan dan sokongan teknikal minimum 9 bulan	M		
	Keperluan tambahan	Ada Surat Kuasa (<i>Letter Of Authorisation</i>) daripada pembekal (Autodesk Authorized Reseller/Partner)	M		

JADUAL 2B

SEBUTHARGA BAGI MEMBEKAL, MEMPERBAHARUI, MEMASANG DAN MENTAULIAH LESEN PERISIAN AUTODESK AUTOCAD 3D (1 UNIT) DAN AUTODESK AUTOCAD LT 2D (48 UNIT) SECARA CO-TERM UNTUK JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK TERMASUK JKR DAERAH

JADUAL SPESIFIKASI TEKNIKAL

KETERANGAN PERISIAN					
KETERANGAN UMUM TENDER (MANDATORI)					
Petender perlu menghuraikan item dengan lengkap pada setiap ruang. Kegagalan untuk menyediakan huraian yang lengkap akan menyebabkan tawaran					
2.0 PERISIAN AUTOCAD 2D LT 2026 (Komersial) – Pengguna Tunggal Baharu (ELD)					
Kuantiti	33 unit		M		
Make/Model:			M		
Brand:			M		
Tahun Pengeluaran:	2026		M		
2.1 Lesen					
	Semua bekalan Perisian yang akan dibekalkan hendaklah version terkini, tulen dan belum digunakan.		M		
	Lesen Perisian yang dibekalkan adalah selama tempoh 9 Bulan (Sept 2026- Jun 2027)		M		
	Bekalan Perisian dalam bentuk softcopy bersama-sama dengan kunci lesen		M		
2.2 UNTUK KEGUNAAN					
	Lukisan Draf 2D		M		
	Perisian hendaklah menyokong fungsi penyediaan dan penyuntingan fail lukisan 2D dalam format DWG secara efisien		M		
	Perisian hendaklah menyediakan antara muka tempat kerja dan reben yang boleh disuai atur mengikut keperluan pengguna bagi meningkatkan produktiviti kerja		M		
	Perisian hendaklah menyokong fungsi untuk mencipta, menyunting dan menggunakan blok 2D bagi tujuan penghasilan lukisan yang lebih teratur dan efisien		M		

2.3 SISTEM PENGOPERASIAN				
Sistem Pengoperasian	Menyokong sistem operasi Microsoft® Windows® 11 atau Windows 10 versi 1809 dan ke atas.		M	
Unit Pemprosesan Pusat (CPU)	Keperluan minimum: Pemproses asas 2.5-2.9 GHz. Pemproses jenis ARM tidak disokong. Keperluan yang disyorkan: Pemproses asas 3 GHz ke atas dan 4 GHz ke atas untuk mod turbo		M	
Memori sistem (RAM)	Keperluan minimum: 8 GB RAM Keperluan yang disyorkan: 16 GB RAM		M	
Paparan Resolusi	Paparan Biasa: Menyokong resolusi 1920 x 1080 dengan Warna Sebenar (True Color). Paparan Beresolusi Tinggi / 4K: Menyokong resolusi sehingga 3840 x 2160 dengan syarat kad grafik menyokong resolusi tersebut.		M	
Kad Grafik (Kad Paparan Video)	Keperluan minimum: Kad grafik 1 GB dengan lebar jalur 29 GB/s dan serasi dengan DirectX 11. Keperluan yang disyorkan: Kad grafik 4 GB dengan lebar jalur 106 GB/s dan serasi dengan DirectX 12. Nota tambahan: Penggunaan gaya paparan Shaded (Fast) dan Shaded with edges (Fast) memerlukan DirectX 12 dengan Tahap Ciri 12_0.		M	
Ruang Storan	10.0 GB ruang storan (penggunaan pemacu SSD adalah disyorkan)		M	
2.4 Jaminan/Keperluan tambahan				
Keperluan tambahan	Jaminan dan sokongan teknikal minimum 9 Bulan		M	
	Ada Surat Kuasa (Letter Of Authorisation) daripada pembekal (Autodesk Authorized Reseller/Partner)		M	

SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL, MEMPERBAHARUI, MEMASANG DAN MENTAULIAH LESEN PERISIAN AUTODESK AUTOCAD 3D (1 UNIT) DAN AUTODESK AUTOCAD LT 2D (48 UNIT) SECARA CO-TERM UNTUK JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK TERMASUK JKR DAERAH

JADUAL SPESIFIKASI TEKNIKAL

KETERANGAN PERISIAN				
KETERANGAN UMUM TENDER (MANDATORI)				
Petender perlu menghuraikan item dengan lengkap pada setiap ruang. Kegagalan untuk menyediakan huraian yang lengkap akan menyebabkan tawaran				
2.5 PERISIAN AUTOCAD 2D LT 2026 (Komersial) – Pengguna Tunggal Baharu (ELD)				
Kuantiti	15 unit	M		
Make/Model:		M		
Brand:		M		
Tahun Pengeluaran:	2026	M		
2.6 Lesen				
	Semua bekalan Perisian yang akan dibekalkan hendaklah version terkini, tulen dan belum digunakan.	M		
	Lesen Perisian yang dibekalkan adalah selama tempoh 6 Bulan (Dis 2026- Jun 2027)	M		
	Bekalan Perisian dalam bentuk <i>softcopy</i> bersama-sama dengan kunci lesen	M		
2.7 UNTUK KEGUNAAN				
	Lukisan Draf 2D	M		
	Perisian hendaklah menyokong fungsi penyediaan dan penyuntingan fail lukisan 2D dalam format DWG secara efisien	M		
	Perisian hendaklah menyediakan antara muka tempat kerja dan reben yang boleh disuat atur mengikut keperluan pengguna bagi meningkatkan produktiviti kerja	M		
	Perisian hendaklah menyokong fungsi untuk mencipta, menyunting dan menggunakan blok 2D bagi tujuan penghasilan lukisan yang lebih teratur dan efisien	M		

2.8 SISTEM PENGOPERASIAN				
Sistem Pengoperasian	Menyokong sistem operasi Microsoft® Windows® 11 atau Windows 10 versi 1809 dan ke atas.	M		
Unit Pemprosesan Pusat (CPU)	Keperluan minimum: Pemproses asas 2.5–2.9 GHz. Pemproses jenis ARM tidak disokong. Keperluan yang disyorkan: Pemproses asas 3 GHz ke atas dan 4 GHz ke atas untuk mod turbo	M		
Memori sistem (RAM)	Keperluan minimum: 8 GB RAM Keperluan yang disyorkan: 16 GB RAM	M		
Paparan Resolusi	Paparan Biasa: Menyokong resolusi 1920 x 1080 dengan Warna Sebenar (True Color). Paparan Beresolusi Tinggi / 4K: Menyokong resolusi sehingga 3840 x 2160 dengan syarat kad grafik menyokong resolusi tersebut.	M		
Kad Grafik (Kad Paparan Video)	Keperluan minimum: Kad grafik 1 GB dengan lebar jalur 29 GB/s dan serasi dengan DirectX 11. Keperluan yang disyorkan: Kad grafik 4 GB dengan lebar jalur 106 GB/s dan serasi dengan DirectX 12. Nota tambahan: Penggunaan gaya paparan Shaded (Fast) dan Shaded with edges (Fast) memerlukan DirectX 12 dengan Tahap Ciri 12_0.	M		
Ruang Storan	10.0 GB ruang storan (penggunaan pemacu SSD adalah disyorkan)	M		
2.9 Jaminan/Keperluan tambahan				
Keperluan tambahan	Jaminan dan sokongan teknikal minimum 6 Bulan	M		
	Ada Surat Kuasa (Letter Of Authorisation) daripada pembekal (Autodesk Authorized Reseller/Partner)	M		

JADUAL PELAKSANAAN KERJA

SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL, MEMPERBAHARUI, MEMASANG DAN MENTAULIAH LESEN PERISIAN AUTODESK AUTOCAD 3D (1 UNIT) DAN AUTODESK AUTOCAD LT 2D (48 UNIT) SECARA CO-TERM UNTUK JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK TERMASUK JKR DAERAH

Bil	Perkara	Minggu Mula	Minggu Tamat	Tempoh Masa (Minggu)
1	Penyediaan Jadual Pelaksanaan			
2	Pengesahan Akaun Autodesk dan Maklumat Lesen Sedia Ada			
3	Pembaharuan Langganan Lesen AutoCAD 3D (1 Unit) dan AutoCAD LT (48 Unit) Secara Co-term			
4	Pengesahan Lesen dan Konfigurasi Akaun Autodesk			
5	Pengujian Fungsi / User Acceptance Test (UAT)			
6	Penyediaan Laporan Pelaksanaan dan Senarai Lesen yang Telah Diperbaharui			
7	Penyerahan Dokumen (Bukti Langganan Autodesk, Sijil Langganan, Nombor Lesen, Tarikh Tamat Lesen Baharu dan Laporan Akhir)			
JUMLAH MINGGU				

Nota :1) Minggu Mula bermula daripada tarikh penyebut harga menerima surat setuju terima.

2) Borang ini hendaklah diisi sepenuhnya dan disertakan bersama tawaran sebut harga.

No. Sebut Harga
PKR.PK. (S) 400-10/2 – 4/2026

BORANG SEBUT HARGA

Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya
Negeri Perak Darul Ridzuan

Tuan,

Sebut Harga Membekal, memperbaharui, memasang dan mentauliah lesen perisian Autodesk AutoCAD 3D (1 unit) dan Autodesk AutoCAD LT 2D (48 unit) secara *co-term* untuk Jabatan Kerja Raya Negeri Perak termasuk JKR daerah

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-syarat Am Sebut Harga, Jadual Harga (Jadual 1), Jadual Spesifikasi Teknikal (Jadual 2A,2B dan 2C) dan Jadual Pelaksanaan Kerja (Jadual 3), saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk membekal dan melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga sebanyak **Ringgit Malaysia**
.....(RM.....)

Jumlah ini adalah untuk perkara-perkara yang disebutkan di dalam **Jadual 1**.

2. Saya / Kami telah meneliti semasa membuat tawaran dan bersetuju bahawa sah laku harga tawaran di atas selama **sembilan puluh (90)** hari dari tarikh tutup tawaran.

Bertarikh : Haribulan : 20.....

..... Tandatangan Pembekal Nama : No. K/P : Syarikat : Alamat : No. Telefon Pejabat : No. Telefon Bimbit :	 Tandatangan Saksi Nama : No. K/P : Alamat :
---	--

.....
Meterai atau Cop Pembekal

**LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

**KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI PERAK**

No. Sebut Harga
PKR.PK.(S) 400-10/2 – 4/2026

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MEMPERBAHARUI, MEMASANG DAN MENTAULIAH
PERISIAN AUTOCAD 3D (1 UNIT) DAN AUTOCAD LT 2025 (48 UNIT) DI IBU PEJABAT DAN
DAERAH JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada : Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh:
..... **Pengarah Kerja Raya**
..... **Jabatan Kerja Raya**
..... **Perak Darul Ridzuan.**
No. Telefon: **No. Telefon : 05-2454041**
No. Pendaftaran Kewangan:
No. Pendaftaran Taraf Bumiputra:
Kod Bidang Pendaftaran: **210103**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan lampiran yang disertakan.
 - 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan **menggunakan pengangkutan sendiri.**
 - 1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki **6 minggu selepas Pesanan Tempatan (LO) diterima.**
 - 1.3 Alamat pengiriman: **Jabatan Kerja Raya Negeri Perak, Bahagian Pentadbiran, Aras 5, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh.**
 - 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **PKR.PK.(S) 400-10/2 – 4/2026.**
 - 1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang berkenaan seperti alamat di atas **sebelum atau pada 8 September 2026 (Selasa), jam 12.00 tengah hari.**
 - 1.6 Tempoh sah laku sebut harga adalah **90 hari** selepas tarikh tutup.

Tarikh : 27.08.2026

Tandatangan :

Nama : Ir. HAJI ZAMRI BIN MAT KASIM
Jawatan : Pengarah Kerja Raya
Perak Darul Ridzuan

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bil.	Perihal Bekalan / Perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti / Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk Diisi Oleh Jabatan				Untuk Diisi Oleh Penyebutharga	
1.	Membekal, Memperbaharui, Memasang Dan Mentauliah Lesen Perisian Autodesk AutoCAD 3D (1 UNIT) Dan Autodesk AutoCAD LT 2D (48 UNIT) Secara <i>Co-Term</i> Untuk Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Termasuk JKR Daerah				
Lengkapkan Jadual 1					
		JUMLAH KESELURUHAN			RM _____

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih.

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah *hari / minggu / bulan

Saya dengan ini menawarkan diri untuk membekalkan bekalan/ perkhidmatan di atas dengan harga RM..... tertakluk kepada di dalam Dokumen Sebut Harga.

Cop Syarikat :

Tandatangan
Penyebut Harga :
Nama :
No. K/P :
Alamat Syarikat :
Tarikh :

Mustahak: Lihat syarat-syarat am di belakang (untuk bekalan sahaja)

No. Sebut Harga
PKR.PK.(S) 400-10/2 – 4/2026

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan dipertimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

No. Sebut Harga
PKR.PK.(S) 400-10/2 – 4/2026

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang (perkhidmatan) yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebutharga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) ini tidak memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan/ Pegawai Kewangan Negeri.

10. TAFSIRAN

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. TEMPOH JAMINAN

Peralatan dan sebarang kerja-kerja pemasangan hendaklah dijamin selama bulan dari tarikh penyerahan/hantaran.

12. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

No. Sebut Harga
PKR.PK.(S) 400-10/2 – 4/2026

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG
KELUARAN MALAYSIA**

13. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

14. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat hendaklah diganti oleh penjual.

15. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu jika berkenaan hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

16. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

17. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

18. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan

No. Sebut Harga
PKR.PK.(S) 400-10/2 – 4/2026

- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

PENGESAHAN PEMBEKAL

Syarat-syarat di atas kesemua keseluruhan daripada perkara 1 hingga 18 telah dibaca dan saya/syarikat ini bersetuju dengannya.

.....
Tandatangan & Cop

Nama Penuh :

No. K/P :

Alamat :



Kod Sebutharga : PKR.PK.(S) 400-10/2 – 4/2026

No. Siri. _____

SENARAI BEKALAN YANG SEDANG DAN TELAH DILAKSANAKAN

BIL.	NAMA DAN ALAMAT PENUH INSTITUSI	HARGA KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK		NAMA & TELEFON PEGAWAI JABATAN YANG BERTANGGUNGJAWAN
			MULA	TAMAT	

Nota: Penyebut harga perlu menyertakan surat tawaran kontrak daripada jabatan berkenaan sebagai pengesahan kepada sokongan kepada sebutharga ini.

Membekal, Memperbaharui, Memasang Dan Mentauliah Lesen Perisian Autodesk AutoCAD 3D (1 Unit) Dan Autodesk AutoCAD LT 2D (48 Unit) Secara Co-Term Untuk Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Termasuk JKR Daerah

SURAT AKUAN PEMBIDA

PKR.PK.(S) 400-10/2 – 4/2026

MEMBEKAL, MEMPERBAHARUI, MEMASANG DAN MENTAULIAH LESEN PERISIAN AUTODESK AUTOCAD 3D (1 UNIT) DAN AUTODESK AUTOCAD LT 2D (48 UNIT) SECARA CO-TERM UNTUK JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK TERMASUK JKR DAERAH

Saya, No. Kad Pengenalan
..... yang mewakili syarikat
nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau
mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana- mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil:

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini.

Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : _____
Nama : _____
No.KP : _____
Tarikh : _____
Cop Syarikat : _____

Catatan:

- (i) **termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (ii) ***seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.